

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 28 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 4**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1441-MQT1242  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci:-
  - (a) data dan statistik kemalangan jalan raya melibatkan kesalahan pemanduan lawan arus dari Januari 2021 sehingga setakat ini; dan
  - (b) faktor penyumbang terhadap kesalahan dan kemalangan yang berlaku serta langkah-langkah yang diambil untuk membendunginya.
  
2. PR-1441-MQT1225  
**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula dasar ekuiti untuk syarikat penghantar fret yang sedang beroperasi memandangkan syarat ekuiti sedia ada sukar untuk dilaksanakan.
  
3. PR-1441-MQT1231  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah sebabnya kedudukan Malaysia dalam *Global Food Security Index* jatuh dari tangga 28 (tahun 2019) ke tangga 43 (tahun 2020) dan apakah inisiatif Kementerian untuk memperbaiki *Food Security* dan harga makanan kepada lebih murah untuk kebajikan penduduk Malaysia.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 28 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 9**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1441-L11690  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peratusan isi rumah Orang Asli yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan di kawasan penempatan mereka mengikut negeri dan usaha Kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.
  
2. PR-1441-L11538  
**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan 2019) telah dipatuhi oleh syarikat-syarikat di sektor pembuatan dan pembinaan di mana banyak kluster COVID-19 telah berlaku.
  
3. PR-1441-L11506  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan pakar perubatan di hospital-hospital Kerajaan serta tindakan-tindakan yang diambil untuk menilai serta menyerap pakar perubatan yang sedang bekerja sebagai pekerja kontrak di hospital-hospital Kerajaan.

4. PR-1441-L11830  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada pengusaha sukan di seluruh negara dan berapa ramai yang terpaksa gulung tikar sejak Mac 2020.
5. PR-1441-L11801  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan para peniaga kecil sederhana mampu berhadapan dengan cabaran perniagaan di kala pandemik COVID-19 dan apakah statistik perniagaan yang telah 'gulung tikar' ekoran terkesan dengan pandemik COVID-19.
6. PR-1441-L11488  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah serta sumber keuntungan bersih FELCRA Berhad setakat 31 Ogos 2021 dan signifikasi setiap satu anak syarikat yang masih wujud terhadap kelangsungan operasi perniagaan FELCRA Berhad.
7. PR-1441-L12007  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah kesesakan penjara pada waktu ini berikutan penularan jangkitan yang pantas di kalangan banduan terutamanya jangkitan COVID-19.
8. PR-1441-L12498  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah jangka panjang yang telah diambil, selain mengadakan kawalan harga untuk menentukan harga ayam di pasaran dapat mencapai keseimbangan antara kepentingan pengguna dan kepentingan pengeluar, pemborong serta peruncit dalam rantai bekalan.
9. PR-1441-L11963  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Serian, Sarawak.

10. PR-1441-L12129  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini pemindahan projek insinerator Taman Beringin Kepong dan apakah pampasan ganti rugi yang ditanggung oleh kerajaan susulan penukaran lokasi projek mengikut kontrak insinerator tersebut.
11. PR-1441-L12075  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan maklumat pelanggan yang menulis di buku catatan tanpa menggunakan imbas *QR code* yang disediakan di premis-premis dalam mengesan kontak rapat dan apakah keberkesanan alat penyukat suhu.
12. PR-1441-L11720  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masih berada di negara ini dan berapa ramai dari kalangan mereka yang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin.
13. PR-1441-L12525  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan keberadaan atau kecukupan minyak masak untuk keperluan pengguna; dan
  - (b) apakah Kementerian mempunyai satu nilai penggunaan yang menjadi rujukan bagi memastikan kecukupan bekalan terutama penggunaan isi rumah dan langkah-langkah yang akan diambil pada masa hadapan supaya harga minyak masak sentiasa berada pada paras yang tidak membebankan pengguna. Apakah penambahbaikan oleh Kementerian bagi memastikan bekalan sentiasa cukup berada di pasaran.
14. PR-1441-L11741  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pekerja asing dan pendatang haram secara tetap untuk mengawal aliran keluar wang, membebani sistem kesihatan awam dan masalah-masalah lain.

15. PR-1441-L11531  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan kaedah yang dilakukan oleh Kementerian dan agensi untuk membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) usahawan online, usahawan generasi muda dan usahawan rakyat di luar bandar ketika pandemik COVID-19.
16. PR-1441-L12368  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) komitmen Kerajaan melindungi pengkritik dan pemberi maklumat daripada tindakan intimidasi; dan
  - (b) langkah-langkah untuk memastikan undang-undang tidak digunakan sebagai senjata untuk mendiamkan *legitimate dissent* menerusi pindaan atau pemansuhan Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.
17. PR-1441-L12054  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peranan atau usaha-usaha sanitasi oleh pihak bomba ke atas premis-premis Kerajaan.
18. PR-1441-L11868  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana keberkesanan Program *MyFutureJob* berdasarkan kepada data statistik membantu golongan yang memerlukan pekerjaan semenjak ianya dilancarkan.
19. PR-1441-L12628  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memberi suntikan ketiga vaksin kepada rakyat dan penduduk Malaysia sebelum hujung tahun 2021 bagi meningkatkan tahap imuniti.
20. PR-1441-L12108  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tentang inflasi yang melanda di negara kita. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia.

21. PR-1441-L11989  
**Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani masalah kekurangan bahan-bahan mentah utama seperti gula, minyak masak, beras dan sebagainya terutamanya di musim pandemik COVID-19.
22. PR-1441-L12274  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan faktor peningkatan kes '*brought-in-dead*' (BID) sejak kebelakangan ini dan langkah Kementerian untuk mengatasinya.
23. PR-1441-L12064  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan peruntukan baik pulih rumah e-Kasih kepada RM20,000 sejajar dengan kos barangan yang semakin meningkat kini berbanding tahun 2016.
24. PR-1441-L12460  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah yang di ambil oleh pihak Kementerian dalam membantu golongan seperti M40 khususnya sektor SME telah jatuh kepada golongan B40.
25. PR-1441-L12141  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan relevan untuk mengaktifkan semula program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) memandangkan negara masih lagi berada dalam pandemik COVID-19.
26. PR-1441-L12375  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) pelan Kerajaan menyusun keperluan tenaga kerja memenuhi keperluan industri terpilih; dan
  - (b) perancangan pewujudan kursus TVET rentas semua Kementerian dan agensi yang disasar pasca pandemik beserta gaji setimpal dan pencapaian HRDF menerusi kursus latihan yang ditawarkan beserta status mobiliti kerjaya setiap peserta.

27. PR-1441-L11615  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pelantikan Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang baru telah dilaksanakan dan adakah individu yang dilantik itu merupakan dalam kalangan masyarakat Orang Asli.
28. PR-1441-L11709  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah cadangan 'Penempatan Pekerja Secara Berpusat' telah dilaksanakan dan langkah ini tidak akan mengakibatkan kos pembinaan meningkat serta menyebabkan projek tidak berdaya maju dan boleh disiapkan dengan jayanya.
29. PR-1441-L12180  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kehilangan pekerjaan di kalangan rakyat sejak pandemik COVID-19 melanda dan apakah tindakan Kerajaan menanganinya.
30. PR-1441-L12227  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status naik taraf Hospital Daerah Bau yang sudah pun diluluskan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.
31. PR-1441-L12211  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengawal bekalan rangkaian kit ujian sendiri COVID-19 yang dijual di farmasi dan klinik bagi mengelakkan penjualan bahan tiruan yang tidak menepati piawaian kesihatan.
32. PR-1441-L11833  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah daripada jumlah Pakej Rangsangan kerajaan yang diumumkan diperuntukkan untuk pembangunan luar bandar. Minta perincian jenis projek-projek yang dilakukan, khususnya untuk negeri Perlis.

33. PR-1441-L12215  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan tindakan bagi mengatasi kebimbangan penularan virus COVID-19 kepada kanak-kanak susulan kelonggaran sekatan secara berperingkat oleh pihak Kementerian.
34. PR-1441-L11965  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimana Kementerian mengatasi kejatuhan ekonomi masyarakat luar bandar. Apakah terdapat kajian menyeluruh tentang kemerosotan ekonomi mereka kesan daripada pandemik COVID-19.
35. PR-1441-L11441  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja terutamanya pekerja tempatan yang diberhentikan atau *retrenched* semasa pandemik COVID-19 dari awal tahun 2021 hingga terkini mengikut sektor dan nyatakan langkah Kerajaan bagi membantu pekerja-pekerja ini untuk mendapatkan pekerjaan semula serta nyatakan langkah Kerajaan bagi membantu golongan pekerja ini untuk menyara kehidupan mereka dan keluarga selepas mereka diberhentikan kerja.
36. PR-1441-L12613  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah isteri/wanita warga Malaysia akan mempunyai hak yang sama seperti lelaki/suami warga Malaysia ketika memberikan kewarganegaraan untuk anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara kerana proses birokrasi yang ada mengambil jangka masa yang panjang dan memberi tekanan kepada wanita dan kanak-kanak yang terlibat.
37. PR-1441-L11872  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah wang yang dipinjam oleh rakyat dengan syarikat Kredit Komuniti dan Pemberi Pinjam Wang sepanjang tahun 2021.

38. PR-1441-L12121  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa jumlah keputusan bulanan yang dikeluarkan melalui laman web rasmi Kementerian Dalam Negeri bagi permohonan kewarganegaraan di bawah perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan amat tidak memuaskan. Apakah tindakan terkini untuk menyelesaikan permohonan yang telah lama tertangguh.
39. PR-1441-L11630  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kematian seluruh negara dari tahun 2015 hingga 2020 menunjukkan kadar yang konsisten, dari 5.0% di tahun 2015, 5.3% dari tahun 2017 hingga 2020. Untuk suku pertama tahun 2021, kadar kematian (*annualised*) adalah 5.3%. Maksudnya, walaupun Malaysia di landa wabak COVID-19, ia tidak menunjukkan kenaikan ketara kematian. Kesimpulannya kematian dari COVID-19 adalah bersama penyakit-penyakit lain (*co-morbidities*) dan bukannya dari COVID-19 semata-mata. Mohon penjelasan.
40. PR-1441-L11785  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terperinci Pendatang Tanpa Izin yang ditahan dan diusir bagi tempoh 2017 hingga kini mengikut kategori warganegara, pecahan negeri khususnya di Sabah.
41. PR-1441-L11976  
**Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberikan *booster shot* terutamanya kepada golongan yang berisiko tinggi.
42. PR-1441-L12299  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani lambakan '*fresh grad*' selain program *PROTEGE* yang sedia ada tidak menjamin jawatan tetap.
43. PR-1441-L11722  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Sg. Asap dan Klinik Kesihatan Tubau, menyediakan tempat kuarantin di semua klinik-klinik Kerajaan, menyediakan makmal ujian PCR di semua klinik-klinik Kerajaan dan menambah bilangan Pegawai Epidemiologi di Sarawak.

44. PR-1441-L12128  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan syarikat peminjam wang berlesen dan proses-proses yang perlu syarikat tersebut lalui sebelum lesen diluluskan memandangkan terdapat banyak ceti-ceti haram dan syarikat 'ah long' berjaya merubah status dari peminjam wang tanpa lesen ke peminjam wang berlesen.
45. PR-1441-L11928  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh vaksin akan sampai ke negara kita seperti yang dijanjikan oleh pembekal secara terperinci berdasarkan jenama vaksin dan jumlah kumulatif setakat ini. Mengapa pihak swasta dibenarkan menjual vaksin walaupun negara kekurangan vaksin untuk rakyat.
46. PR-1441-L12071  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status terkini perkembangan kompleks sukan yang akan dibina di Kuala Krai.
47. PR-1441-L12566  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bilangan kematian dalam lokap polis, Pusat Tahanan Imigresen dan penjara pada tahun 2020 dan 2021 mengikut pecahan etnik dan negeri; dan
  - (b) status pembentangan RUU Koroner berhubung kematian dalam tahanan dan status pemasangan kamera litar tutup atau CCTV dalam semua lokap balai polis dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 melalui kelulusan khas Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC).
48. PR-1441-L11877  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status penggubalan Akta Sewaan Kediaman.

49. PR-1441-L12641

**Tuan Baru Bian [ Selangau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masih banyak rumah panjang di Sarawak yang belum mendapat bekalan elektrik 24 jam. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada penduduk luar bandar Sarawak terutamanya di Kawasan Parlimen Selangau. Jika ada, bila ianya dilaksanakan.

50. PR-1441-L12644

**Tuan Baru Bian [ Selangau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyalahgunaan dadah di Sarawak berleluasa dan menimbulkan pelbagai masalah sosial. Kita bimbang kegiatan ini akan merebak ke kawasan pedalaman dan akan merosakkan generasi muda kita. Apakah perancangan Kerajaan dalam menangani isu ini.

51. PR-1441-L12448

**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Klinik Kelas 3 di daerah Penampang yang sepatutnya sudah bermula pembinaan di pertengahan tahun 2021 seperti yang dilaporkan pada sesi Parlimen pada bulan Disember 2020.

52. PR-1441-L12101

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendekatan dan dasar yang diambil oleh Kementerian bagi mengawal penularan varian-varian baru wabak COVID-19 selain bergantung kepada kaedah pemberian vaksin.

53. PR-1441-L12570

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa angka mingguan/harian peratus positif setiap negeri tidak lagi diwawarkan sepertimana yang berlaku dahulu.

54. PR-1441-L11564

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) jumlah keseluruhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah gulung tikar akibat pandemik COVID-19. Jumlah IKS yang telah gulung tikar mengikut negeri; dan
- (b) inisiatif bagi memulihkan kembali IKS.

55. PR-1441-L12607  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk membantu hospital yang menguruskan kes COVID-19 terutamanya di negeri luar Lembah Klang memandangkan terdapat banyak laporan kesukaran hospital untuk beroperasi kerana :-
- (a) masalah kekurangan kemudahan perubatan kepada pesakit ; dan
  - (b) masalah kekurangan tenaga kerja pasukan perubatan dan masalah dana untuk menampung kos peralatan kepada pesakit.
56. PR-1441-L12437  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju supaya satu Kementerian sahaja iaitu Kementerian Sumber Manusia yang akan memproses dan membuat keputusan berkenaan dengan penggajian pekerja asing di Malaysia.
57. PR-1441-L11452  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan mengambil perhatian bahawa populasi daerah Kulim semakin meningkat dan kawasan perindustrian baru akan bertambah, tetapi bangunan tambahan untuk Hospital Kulim tidak ada. Apakah perancangan Kementerian pada masa akan datang.
58. PR-1441-L12295  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan baru yang dapat diwujudkan mengikut sektor sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.
59. PR-1441-L11757  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan memantau bekas pesakit COVID-19 yang telah sembuh setelah dibenarkan pulang.
60. PR-1441-L12439  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan proses yang dilalui oleh Kerajaan dalam pemerolehan vaksin COVID-19 dan bagaimana harga-harga vaksin berkenaan ditentukan.

61. PR-1441-L12447  
**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) jumlah rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan dari Mac 2020 sehingga Ogos 2021; dan
  - (b) berapakah dari jumlah kehilangan tersebut yang berjaya ditempatkan semula di sektor pekerjaan.
62. PR-1441-L12292  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan remaja yang masih berada di dalam tahanan sama ada di penjara dan pusat tahanan imigresen sehingga kini.
63. PR-1441-L12531  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada satu inkuies perlu diadakan dalam kes-kes kematian semasa tahanan polis dan khususnya apakah tindakan di dalam kes-kes kematian A. Ganapathy pada 18 April 2021, S. Sivabalan pada 20 Mei 2021 dan Surendran Shanker pada 27 Mei 2021.
64. PR-1441-L11988  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status dan pencapaian yang telah dicapai oleh kerajaan di mana Kerajaan telah memperuntukkan RM125 juta melalui KWPSM/HRDF untuk pelaksanaan inisiatif *Place and Train* di bawah Program Janapreneur yang dijangka akan membuka peluang kepada 30,000 orang dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.
65. PR-1441-L12169  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sama ada rakyat digalakkan membuat *COVID-19 antibody test* untuk memastikan mereka mempunyai antibodi tersebut dan diberi vaksinasi selanjutnya jika keputusannya adalah negatif; dan
  - (b) bilakah Kementerian akan memulakan program pemberian suntikan vaksin dos ketiga (atau *booster dose*) memandangkan negara Amerika Syarikat akan memberi dos ketiga vaksin COVID-19 kepada rakyat mereka mulai 20 September 2021.

66. PR-1441-L11595  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kutipan kompaun bagi kesalahan melanggar SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan yang dirujuk ke mahkamah kerana keengganan membayar kompaun yang tinggi dan di luar kemampuan.
67. PR-1441-L12318  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini pesakit positif COVID-19 mengikut jenis-jenis varian dan statistik kematian mengikut pecahan varian, kumpulan umur, jantina dan negeri.
68. PR-1441-L12338  
**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Fasa 4 naik taraf jalan balak di sekitar Parlimen Lubok Antu dalam Rancangan Malaysia Ke-12.
69. PR-1441-L11632  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan untuk berhadapan dengan varian Delta yang lebih pantas menular memandangkan kemudahan sistem kesihatan sedia ada hampir runtuh dengan peningkatan mendadak kes COVID-19.
70. PR-1441-L11627  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini cadangan bagi membina rumah mampu milik di RPT Batu 1, Jalan Lintang untuk menyelesaikan isu setinggan.
71. PR-1441-L11926  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes kematian dalam tahanan A Ganapthy dan Sivabalan Subramaniam, Surendran Shankar dan Umar Faruq Abdullah. Adakah Kerajaan sudi melaksanakan suatu Siasatan Awam (*public inquiry*) yang diketuai oleh SUHAKAM dan EAIC terhadap kes-kes tersebut.
72. PR-1441-L12382  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status vaksinasi mereka yang meninggal disebabkan COVID-19 berdasarkan sama ada telah menerima dos 1 atau 2 dan beberapa hari selepas dos terakhir.

73. PR-1441-L11721  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa angka sebenar pesakit COVID-19 dari kluster tempat kerja bagi kategori pembuatan (kilang).
74. PR-1441-L11614  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan untuk tahun 2015-2021 dan berapa yang telah diluluskan mengikut tahun; dan
  - (b) apakah status permohonan Cik Angeline May Soon, No. Permohonan 07041011-20160318-11331743, No. Rujukan KDN : 168734 untuk kewarganegaraan Malaysia di bawah perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.
75. PR-1441-L11946  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah fungsi dan kejayaan Majlis Pekerjaan Negara.
76. PR-1441-L11860  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab Ahli Parlimen pembangkang dihalang oleh polis daripada memasuki bangunan Parlimen pada 2 Ogos 2021 dan siapa yang telah memberikan arahan tersebut kepada pihak polis.
77. PR-1441-L11515  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menggantikan aplikasi MySejahtera dengan aplikasi yang baru memandangkan ia telah gagal dalam fungsinya.
78. PR-1441-L12267  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini kajian tindakan mandatori terhadap golongan antivaksin yang boleh mempengaruhi pencapaian Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

79. PR-1441-L12122  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Kementerian akan memastikan tidak berlakunya penularan mutasi COVID-19 seperti varian Lambda setelah memberi kebenaran pengembara luar negara menjalani kuarantin di rumah; dan
  - (b) apakah langkah persediaan Kementerian bagi memastikan Varian Lambda ini tidak menular di Malaysia.
80. PR-1441-L12332  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk vaksin COVID-19 dos yang ketiga atau *booster shot* seperti yang tular dalam banyak penerbitan media massa sekarang. Bilakah jangkaan dos ketiga ini akan dilakukan dan bagaimanakah kaedah pelaksanaannya.
81. PR-1441-L11891  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak sukarelawan terlibat di pelbagai pusat COVID-19 yang berkaitan dan berapa pekerja sementara diambil semasa pandemik COVID-19.
82. PR-1441-L11697  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status keperluan pelaksanaan dos ketiga (*booster dose*) dan vaksin *heterologous* (campuran vaksin) setelah mendapat syor dari pakar menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV).
83. PR-1441-L11912  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tarikh tempahan, kos, dan jumlah dos untuk setiap vaksin yang telah diluluskan untuk kegunaan negara.
84. PR-1441-L11913  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa anggaran baki bekalan vaksin selepas 100% populasi divaksinasi, jenis vaksin, tarikh luput, kos simpanan dan rancangan Kerajaan untuk bekalan tersebut.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Kewangan**

- \* Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-**

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

**merestui** usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 27 September 2021 ]**

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 24/2020 ) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020          | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 13/2020 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                     |                               |
| 4. | ( D.R 14/2020 ) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020               | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                     |                               |

- |    |                 |  |                               |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 5. | ( D.R 15/2020 ) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020                       | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]</b>                        |                               |
| 6. | ( D.R 12/2020 ) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020           | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>  |                               |
| 7. | ( D.R 2/2021 )  | Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>  |                               |

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".

10. PR-1441-U(27)201

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1441-U(27)202

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1441-U(27)203

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1441-U(27)204

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuan ]** akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**[ Perdana Menteri ]**

14. PR-1441-U(27)205

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuanan ]** akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1441-U(27)206

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD. 16	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan	28 September 2021
CMD. 17	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	28 September 2021
CMD. 18	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor	28 September 2021
CMD. 19	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah	28 September 2021
CMD. 20	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan Negeri Kelantan	28 September 2021
CMD. 21	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka	28 September 2021
CMD. 22	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Sembilan	28 September 2021
CMD. 23	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang	28 September 2021
CMD. 24	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak	28 September 2021
CMD. 25	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis	28 September 2021

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD. 26	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang	28 September 2021
CMD. 27	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah	28 September 2021
CMD. 28	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak	28 September 2021
CMD. 29	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor	28 September 2021
CMD. 30	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu	28 September 2021

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 28.09.2021 (Selasa)	1. YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	1. Kementerian Dalam Negeri Harus Tarik Balik Rayuan Ke Atas Keputusan Mahkamah Tinggi Mengenai Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 28.09.2021 (Selasa)	2. YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)	2. Masalah Loji Kumbahan, Atap Bumbung, Sistem Perwayaran Dan Lampu Jalan	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**